

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (BELANJAWAN)

TARIKH: 12 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 08

Anggota bomba terima elauan khas RM200 sebulan



Insentif tersebut akan memberi manfaat kepada 14,400 anggota JBPM di seluruh negara.

KUALA LUMPUR - Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan menerima Elauan Khas Skim Perkhidmatan Bomba sebanyak RM200 sebulan mulai tahun depan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM35 juta bagi tujuan itu.

Beliau berkata, insentif tersebut akan memberi manfaat kepada 14,400 anggota JBPM di

seluruh negara.

Menurutnya, pemberian itu juga sebagai tanda penghargaan kepada perkhidmatan mereka yang telah mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong.

"Selain itu, anggota Jabatan Sukanrelawan Malaysia (Rela) akan menikmati kenaikan elauan sebanyak RM2 sejam mulai 1 Januari 2020 dengan jumlah peruntukan tambahan sebanyak RM26 juta," katanya ketika membentangkan Belanjawan

2020 di Parlimen semalam.

Guan Eng berkata, kerajaan juga memberi bayaran secara one-off sebanyak RM500 kepada pemegang Pingat Jasa Malaysia melibatkan peruntukan keseluruhan RM35 juta.

"Sebagai menghargai pengorbanan dan keperwiraan anggota tentera, khususnya pemegang Pingat Jasa Malaysia bantuan one-off itu melibatkan seramai 70,000 orang," katanya.